

Dunia perlu terokai sumber baru minyak

Masih terdapat banyak sumber minyak di kawasan Asia Barat dan Asia Tengah yang belum diteroka

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

Oleh MUSTAFA KAMAL BASRI

KUALA LUMPUR 12 Jun - Negara pengeluar dan pengguna minyak perlu meningkatkan kerjasama bagi meneroka sumber baru dan membangunkan kapasiti masa depan untuk menjamin keselamatan bekalan tenaga dunia, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri berkata, dunia perlu meneroka sumber baru kerana sumber minyak dari lapangan minyak seperti di Laut Utara, Alaska dan Teluk Mexico kini semakin kehabisan.

Menurutnya, masih terdapat banyak sumber minyak di kawasan Asia Barat dan Asia Tengah yang belum diteroka, terutama di kawasan laut dalam.

Negara pengguna utama minyak dan gas boleh menimbangkan secara serius untuk melabur atau menjadi rakan kongsi dalam kegiatan hulu meneroka dan membangunkan sumber berkenaan bagi mengurangkan pergantungan mereka kepada negara-negara Asia Barat.

Abdullah berkata demikian ketika merasmikan Persidangan Ke-11 Minyak dan Gas Asia 2006 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), di sini hari ini.

"Beberapa lokasi lain turut mempunyai potensi simpanan minyak yang besar tetapi memerlukan penggunaan teknologi dan belanja yang besar kerana terletak di kawasan yang mempunyai halangan geografi dan alam sekitar, termasuk di laut dalam dan di kawasan Artik," katanya.

Persidangan itu bertemakan: "Mengimbangi kepentingan pengguna dan pengeluar".

Katanya, sudah sampai masanya, negara pengeluar dan pengguna menjalin kerjasama dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi membangunkan teknologi yang boleh digunakan untuk meneroka minyak di kawasan-kawasan terbabit.

Selain itu, katanya, isu-isu berkaitan keselamatan tenaga memerlukan lebih banyak dialog diadakan bukan sahaja di peringkat antara negara, tetapi juga di peringkat dua hala, serantau dan global serta melalui perkongsian antara kerajaan dan pihak industri.

"Bagi tempoh jangka panjang, pengeluaran-pengeluar minyak perlu berkongsi membiayai kewangan dan risiko dalam rangkaian industri minyak dan gas, bagi mengekalkan pengeluaran dalam jangka panjang.

"Dalam tempoh 20 tahun akan datang, mereka yang terlibat dalam industri minyak, terutama negara-negara pengeluar dijangka terpaksa melabur AS\$5 trilion bagi kerja penerokaan minyak dan gas.

"Sebanyak AS\$400 bilion lagi dijangka akan dibelanjakan antara 2001 dan 2030 untuk membina kilang-kilang penapis minyak yang baru," katanya.

Langkah itu akan dapat membantu meningkatkan kapasiti semasa yang telah menjadi salah satu penyumbang kepada kenaikan harga minyak sejak dua tahun lalu.

Abdullah juga menggesa masyarakat dunia mengubah cara pemikiran dan membuat penyesuaian ketika menjalani kehidupan serta perniagaan.



ABDULLAH Ahmad Badawi menuju ke rostrum untuk menyampaikan ucap terna pada Persidangan Ke-11 Minyak dan Gas Asia 2006 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), semalam sambil diperhatikan oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd. Hassan Marican (kanan).

"Masyarakat dunia perlu menerima hakikat bahawa dunia tidak akan mengecapi harga minyak yang murah seperti empat tahun lalu, malahan ada pemerhati meramalkan harga minyak dunia akan mencecah AS\$100 setong atau mungkin melonjak lebih tinggi dalam masa terdekat," katanya.

Beliau berkata, penggunaan minyak dijangka meningkat kira-kira 84 juta tong sehari daripada kira-kira 67 juta tong sehari

pada 1990.

Begitu juga penggunaan gas asli telah meningkat daripada 73 trilion kaki padu pada 1990 kepada 95 trilion kaki padu pada masa ini, katanya.

Menurutnya, penggunaan minyak dijangka akan terus meningkat pada masa depan dengan kemunculan kuasa baru ekonomi seperti China dan India.

Bagi tempoh antara 2002 dan 2005, ke-

bangkitan Asia dijangka mencatat pertumbuhan tahunan tertinggi bagi penggunaan tenaga sebanyak 3.5 peratus setahun, iaitu tiga kali lebih tinggi daripada negara-negara maju, katanya.

Menurut Abdullah, berikutan perkembangan dunia yang tidak menentu, dijangka lebih 100 juta tong minyak sehari dan 150 trilion kaki padu gas diperlukan menjelang 2025 bagi menampung keperluan global.